

# Young Innovators Challenge 2017 suntik minat pelajar ceburi STEM

**KUANTAN 25 Julai** - Seramai 162 pelajar daripada 18 buah sekolah di sekitar negeri ini menyertai pertandingan 'Young Innovators Challenge 2017' di Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan, dekat sini baru-baru ini.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UMP, Prof. Ir. Dr. Kamarul Hawari Ghazali berkata, pertandingan itu antara lain bertujuan memupuk minat dan memberi inspirasi kepada para pelajar dalam pendid-

ikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Objektif program ini adalah bagi membentuk kemahiran insaniah para pelajar dalam kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah.

"Program ini juga membimbing pelajar terlibat dalam mengaplikasikan pembelajaran jangka masa panjang melalui pendidikan secara terbuka tentang perisian dan perkakasan," katanya ketika ditemui pada pertandingan berkenaan.

Yang turut hadir Ketua Unit Pembangunan Kemanusiaan Pejabat Pendidikan Daerah Pekan, Kamaluddin Abdul Latif dan ketua program itu, Dr. Nurul Hazlina Nordin.

Menurut Kamarul Hawari, mahasiswa UMP bertindak sebagai mentor kepada pelajar yang menyertai pertandingan berkenaan.

Katanya, menerusi penganjuran pertandingan itu, mahasiswa UMP juga dapat melatih pelajar sekolah supaya mementingkan bidang STEM dan mempromosi-

kan universiti tersebut sebagai salah satu pilihan untuk melanjutkan pelajaran kelak.

Sementara itu, Kamaluddin berkata, pertandingan sedemikian dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam aspek penyelesaian masalah, pemikiran kritis, sikap tabah dan bekerjasama antara satu sama lain.

"Maklum balas yang diterima daripada pentadbiran sekolah begitu menggalakkan dan pelajar mendapat inspirasi serta semangat dalam bidang STEM ini," katanya.



SERAMAI 162 pelajar daripada 18 buah sekolah menyertai pertandingan Young Innovators Challenge 2017 peringkat negeri yang diadakan di Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan, Pahang, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMI) 26 JULAI 2017 (RABU) M/S 30